

BUTIRAN IKLAN

- a) Tajuk Iklan : **CADANGAN MEMPELAWA PIHAK-PIHAK YANG BERMINAT UNTUK MENYEWAKAN TAPAK “KONKRIT ARM ROLL” DAN BANGUNAN DEPO SAMPAH MILIK MBSP DI ATAS LOT 5792 DAN LOT 5793, MUKIM 6, TAMAN SUTERA, SPT**
- b) Tarikh Iklan adalah bermula pada **7 Mei 2026 hingga 5 Jun 2026 (sebelum jam 12.00 tengahari)**;
- c) Pelan lokasi, pelan tapak dan gambar foto; dan
- d) Syarat-syarat permohonan penyewaan adalah seperti berikut :-
- (i) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau mana-mana syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus mufis;
 - (ii) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MBSP untuk menyewakan harta MBSP ini dengan mengemukakan nama seperti di dalam kad pengenalan atau nama syarikat, alamat terkini, nombor telefon yang dapat dihubungi, kadar sewaan, tujuan sewaan, tempoh sewaan dan jumlah pelaburan yang akan dibelanjakan bagi tujuan permohonan ini serta perinciannya;
 - (iii) Pemohon juga bolehlah mengemukakan bukti sah pengalamannya yang ada di dalam bidang perniagaan sepertimana yang dicadangkan dan bukti kedudukan kewangan yang kukuh individu atau syarikat;
 - (iv) Setiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimeteraikan. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP bermula pada **7 Mei 2026 hingga 5 Jun 2026 (sebelum jam 12 tengahari)**;
 - (v) Setiap pemohon perlulah mencatatkan perkataan ‘Permohonan Untuk Menyewakan Tapak “Konkrit Arm Roll” dan Bangunan Depo Sampah Milik MBSP di atas Lot 5792 dan Lot 5793, Mukim 6, Taman Sutera, SPT’ di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
 - (vi) Pemohon dikehendaki menawarkan kadar sewa yang **menyamai kadar sewa rezab atau melebihi kadar sewa rezab seperti di Jadual 1**. Kadar sewaan akan dinaikkan sebanyak 10% pada setiap opsyen pembaharuan sewaan;

JADUAL 1

| BIL | LOKASI | KELUASAN TANAH | TEMPOH SEWAAN | KADAR SEWA REZAB SEBULAN |
|------------|---|-----------------------|--------------------------------|---------------------------------|
| 1. | Lot 5792 dan Lot 5793, Mukim 6, Taman Sutera, SPT | 2,605 kaki persegi | Tiga (3) tahun + dua (2) tahun | RM1,000 + SST |

- (vii) Pemohon dikehendaki menawarkan kadar sewa yang menyamai kadar sewa rezab atau melebihi kadar sewa rezab. Kadar sewaan akan dinaikkan sebanyak 10% apabila opsyen penyambungan sewa dilanjutkan;
- (viii) Bayaran deposit sewaan serta utiliti tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon membatalkan penyewaan sebelum menjalankan apa-apa pembangunan serta gagal beroperasi secara sah di tapak;
- (ix) Jenis kegunaan tapak adalah seperti di bawah iaitu sebagai :-
 - a) Stor menyimpan barang-barang;
 - b) Tempat tapak semaian / jualan pokok-pokok hiasan;
 - c) Kedai gunting rambut / salon;
 - d) Perniagaan mencuci kenderaan; dan
 - e) Lain-lain perniagaan kecil yang bersesuaian.
- (x) Tempoh sewaan ialah selama tiga (3) tahun dan dengan opsyen melanjutkan tempoh sewaan selama dua (2) tahun;
- (xi) Opsyen untuk melanjutkan tempoh sewaan adalah kepada MBSP. Pemohon dikehendaki memohon kepada MBSP untuk melanjutkan tempoh sewaan tiga (3) bulan sebelum berakhirnya sewaan tiga (3) tahun yang pertama;
- (xii) Caj denda lewat sebanyak 10% daripada bayaran sewaan bulanan akan dikenakan sekiranya pemohon terlewat membayar selama satu (1) bulan dan kadar 20% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya lewat membayar selama dua (2) bulan;
- (xiii) Pemohonan boleh ditamatkan sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran sewa lebih daripada dua (2) bulan kepada MBSP;
- (xiv) Pemohon dikehendaki menanggung segala bayaran elektrik, air dan kos-kos utiliti yang lain serta apa-apa cukai yang dikenakan di sepanjang tempoh sewaan;
- (xv) Pemohon dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengemukakan kepada MBSP salinan bil elektrik, air dan lain-lain bayaran utiliti yang telah dijelaskan bagi tujuan rekod Majlis setiap tiga (3) bulan sekali di sepanjang tempoh sewaan;
- (xvi) Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan-pelan yang berkaitan untuk kelulusan MBSP terlebih dahulu melalui pelukis pelan berdaftar (PSP) sebelum melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembinaan apa-apa struktur tambahan di atas tapak yang disewa dan tidak dibenarkan mengadakan sebarang pengubahsuaian bangunan tanpa kebenaran MBSP;
- (xvii) Pemohon hendaklah memastikan saiz bangunan yang dipohon hendaklah tidak melebihi daripada 3,000 kaki persegi. Sekiranya saiz bangunan melebihi daripada 3,000 kaki persegi maka prosedur kelulusan pelan lakar untuk penyewaan tapak-tapak MBSP tidak boleh digunapakai dan pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui Unit Pusat Setempat (OSC) secara online;
- (xviii) Semua kos yang terlibat dengan pengubahsuaian, pembinaan / ubahsuai bil utiliti dan selenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pemohon;
- (xix) Pemohon hendaklah memastikan tidak berlaku kesesakan aliran lalulintas akibat aktiviti penyewaannya. Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya

kehendak serta syarat-syarat yang berkaitan dengan aliran lalulintas seperti yang ditetapkan oleh MBSP;

- (xx) Pemohon hendaklah memastikan aktiviti penyewaannya tidak menimbulkan apa-apa kacau ganggu kepada penduduk di sekitarnya;
- (xxi) Pemohon hendaklah memastikan kebersihan tapak dan bangunan yang disewa pada setiap masa dalam keadaan terurus serta bebas daripada semak-samun yang akan menyebabkan pembiakan nyamuk dan lain-lain yang boleh mengundang bahaya kepada penduduk sekitar;
- (xxii) Pemohon tidak dibenarkan menutup lengkap longkang/parit atau membuat halangan di atas jalan utama dan di hadapan premis kerana menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan parit/jalan dan dikehendaki memasang perangkap minyak di dalam premis;
- (xxiii) Pemohon tidak dibenarkan membuang air basuhan atau apa-apa sisa buangan ke dalam longkang atau di sekitar kawasan sewaan dan memastikan pengaliran air oleh lot-lot bersebelahan tidak terjejas akibat pembangunan ini. Semua selenggaraan dan pembersihan adalah di bawah tanggungjawab pemohon;
- (xxiv) Pemohon hendaklah memastikan tidak membuat pembakaran sampah dan bahan buangan secara terbuka;
- (xxv) Pemohon dikehendaki membaiki semula segala kerosakan yang berlaku ke atas jalan dan parit semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan (menurap semula mengikut spesifikasi JKR);
- (xxvi) Pemasangan elektrik perlu mematuhi Akta Bekalan Elektrikal, Peraturan IEE, elektrik standard (JKR) dan garis panduan pemasangan lampu MBSP serta pemasangan bekalan air PBA perlu mematuhi standard Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) dan Meter TNB dan air perlu disediakan di atas nama pemohon;
- (xxvii) Pemasangan paip pembentungan mengikut standard yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP). Segala bil perlu didaftarkan di atas nama pemohon;
- (xxviii) Pemohon perlu mendapatkan pengesahan jurutera C & S yang bertauliah mengenai pelan binaan berhubung kekukuhan struktur. MBSP tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang masalah (sekiranya berkaitan);
- (xxix) Pemohon tidak dibenarkan menyerah, menyewa kecil atau melepaskan mana-mana bahagian tapak dan bangunan yang disewa kepada mana-mana pihak tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP;
- (xxx) Pemohon hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MBSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa tapak dan bangunan berkenaan;
- (xxxi) Pemohon tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan berhala atau tokong di atas tapak yang disewa;
- (xxxii) Pemohon dikehendaki mengambil Polisi Insuran Tanggungan Awam semasa berkuatkuasanya perjanjian penyewaan ini;

- (xxxiii) MBSP hendaklah dilepaskan daripada tuntutan pihak ketiga di atas apa-apa masalah yang timbul akibat penyewaan tapak dan bangunan depo sampah berkenaan. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa kemalangan atau malapetaka yang menimpa pengguna (orang awam) yang menggunakan perkhidmatan berpunca daripada kecuaiannya pemohon;
 - (xxxiv) Pemohon dikehendaki menyerahkan kepada MBSP tapak berkenaan atau apa-apa binaan di atas tapak serta merobohkan apa-apa binaan yang tidak dikehendaki oleh MBSP selepas tamatnya tempoh sewaan atau apabila berlaku penamatan awal tanpa menuntut apa-apa pampasan;
 - (xxxv) Pemohonan ini adalah tertakluk kepada konsep "**As Is Where Is Basis**". Segala kos pembersihan tapak, kos penyenggaraan tapak, kos pembaikan, kos pengurusan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pemohon;
 - (xxxvi) Pemohon hanya dibenarkan menggunakan harta MBSP ini bagi tujuan dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh MBSP sahaja;
 - (xxxvii) Pemohon hendaklah mendapatkan lesen perniagaan yang berkaitan daripada Jabatan Pelesenan MBSP serta mematuhi segala peraturan yang ditetapkan sebelum menjalankan perniagaan;
 - (xxxviii) Pemohon dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MBSP dan menanggung sepenuhnya segala kos penyediaan perjanjian dan bayaran duti setem yang terlibat;
 - (xxxix) Pemohon dikehendaki menandatangani surat akuan penerimaan tawaran sewa dan perjanjian sewa dengan MBSP dan akuan penerimaan tawaran sewa dan perjanjian sewa ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi tiga (3) bulan notis bertulis;
 - (xl) Pemohon masih bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran sewa tiga (3) bulan selepas dari tarikh notis bertulis penamatan sewa dikemukakan oleh mana-mana pihak;
 - (xli) Pemohon hendaklah selewat-lewatnya dalam masa empat (4) bulan dari tarikh sewaan bermula, memulakan perniagaan serta menjelaskan bayaran sewa; dan
 - (xlii) Syarat-syarat lain sewaan yang akan ditentukan oleh MBSP.
- e) Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Ahmad Syahrir bin Jaafar di talian 04-5497496, Encik Abd Latif bin Yaman di talian 04-5497497 dan Puan Nurmaizun binti Mohd Noor di talian 04-5497856 atau Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian 04-5497493.


PELAN LOKASI “KONKRIT ARM ROLL” DAN TAPAK DEPO SAMPAH DI ATAS LOT 5792 & LOT 5793, MUKIM 11, SPT



KOORDINAT LOKASI TAPAK

(5.382851, 100.410144)

PELAN TAPAK "KONKRIT ARM ROLL" DAN TAPAK DEPO SAMPAH DI ATAS LOT 5792 & LOT 5793, MUKIM 11, SPT



GAMBARFOTO “KONKRIT ARM ROLL” DAN TAPAK DEPO SAMPAH DI ATAS LOT 5792 & LOT 5793, MUKIM 11, SPT

